



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

KPWKM RAI 250 KANAK-KANAK DI INSTITUSI

PEKAN, 4 JULAI – Seramai 250 orang kanak-kanak diraikan dalam majlis terbuka puasa anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Dalam majlis itu juga, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim turut menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai kepada penghuni Rumah Kanak-Kanak (RKK) Sultanah Hajjah Kalsom, Rumah Anak Yatim Hembusan Kasih Sayang, Rumah Anak Yatim Nurul Iman, Rumah Penyayang Tun Abdul Razak Pekan, Maahad Tahfiz Mabiq, Rumah Pengasih Sultan Haji Ahmad Shah dan Tahfiz Pekan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM 12,500.00.

“Sesungguhnya majlis seumpama ini amat bermakna khususnya kepada anak-anak di sini yang amat mengharapkan perhatian, belaan kasih sayang, dan penghargaan daripada kita semua, maka melalui majlis yang diadakan ini, diharapkan kanak-kanak di sini turut merasai suasana gembira pada bulan yang penuh keberkatan ini,” katanya kepada pemberita ketika merasmikan Majlis Semarak Sinar Ramadhan 1436 Hijrah di RKK Sultanah Hajjah Kalsom, Penor, Pekan hari ini.

KPWKM juga turut meraikan lebih 350 warga JKM Negeri Pahang dan juga media yang hadir bertujuan untuk mengeratkan hubungan bersama warga kerja di peringkat negeri, daerah dan institusi serta media tempatan.

Kementerian sentiasa prihatin terhadap gejala sosial yang semakin membimbangkan seperti penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, keganasan rumahtangga dan pengabaian kanak-kanak, warga emas serta orang kurang upaya yang mana sebilangan daripadanya

ditempatkan di Institusi-institusi JKM manakala sebahagiannya ditempatkan di institusi yang diuruskan di bawah Pertubuhan Sukarela Kebajikan (NGO).

“Di sinilah terletak peranan Lembaga Pelawat RKK dan pihak NGO dengan membantu dalam pentadbiran dan pengurusan Institusi-Institusi yang tidak terhad kepada dalam bentuk kewangan dan material semata-mata namun sedikit peruntukan masa, tenaga, sokongan dari segi mental dan spiritual juga mampu menjana perubahan dan membawa seribu makna kepada kanak-kanak yang memerlukan,” tambah beliau lagi.

Turut hadir dalam majlis tersebut ialah YBhg Dato’ Sabariah Hassan, Ketua Setiausaha KPWKM, YBrs Encik Azman Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KPWKM dan YBhg Dato’ Hj Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

####

Disediakan oleh	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya
No.Telefon	:	019-2333110 (Haneem) / Ain (019-2164031)
Tarikh dikeluarkan	:	4 Julai 2015